

UNTUK SIARAN SEGERA

24 DISEMBER 2020

UEM Edgenta Sumbang Peralatan Biomedikal dan Bekalan Operasi untuk Menyokong Usaha Penjagaan Pesakit COVID-19 di Sabah

- Syarikat bekerjasama dengan MERCY Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia untuk Projek Bantuan Kecemasan Sabah MATCH Hub COVID-19

KUALA LUMPUR, 24 Disember - UEM Edgenta Berhad ("UEM Edgenta" atau "Syarikat"), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dalam sokongan berterusannya kepada Kerajaan Malaysia terhadap usaha pemulihan negara, baru-baru ini telah bekerjasama dengan MERCY Malaysia untuk menyediakan peralatan biomedikal dan bekalan operasi ke Hospital Kudat di bawah Projek Bantuan Kecemasan Sabah MATCH Hub COVID-19.

Dengan memberi fokus kepada bidang kepakaran Syarikat dalam peralatan biomedikal dan teknologi penjagaan kesihatan, UEM Edgenta akan menyumbangkan peralatan dan keperluan hospital dalam bentuk monitor tanda vital, pam picagari, stetoskop dan tisu pembasmian kuman ke Hospital Kudat untuk menyokong operasi perubatan barisan hadapan dan logistik bagi memerangi wabak COVID-19 di Sabah. UEM Edgenta menjangkakan peralatan tersebut akan sedia untuk diagihkan pada bulan ini.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh wakil Syarikat, Dr. Nik Fawaz Nik Abdul Aziz, Ketua, *Healthcare Support* (Konsesi), UEM Edgenta / Pengarah Urusan, Edgenta Mediserve Sdn. Bhd., kepada Yang Mulia Raja Datin Riza Shazmin Raja Badrul Shah, Naib Presiden II MERCY Malaysia pada majlis penyerahan di ibu pejabat MERCY Malaysia awal hari ini.

"Kami gembira dapat menghulurkan bantuan dengan menyediakan bekalan perubatan dan bekalan keperluan kepada hospital. Kami berharap sumbangan kami dapat meringankan beban operasi pekerja kesihatan dan barisan hadapan memandangkan mereka terus-menerus melindungi dan menyelamatkan nyawa setiap hari. Kami di UEM Edgenta akan terus menyokong hospital dan barisan hadapan sepanjang tempoh yang sukar ini," kata Dr. Nik Fawaz, pada acara tersebut.

Beliau turut menambah bahawa di bawah Projek Bantuan Kecemasan Sabah MATCH Hub COVID-19, selain peralatan biomedikal, Syarikat juga menyumbang kepada Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia untuk penempatan para profesional perubatan dan sokongan logistik bagi penghantaran perubatan.

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuh raya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Dikeluarkan oleh UEM Edgenta Berhad pada tarikh seperti yang disenaraikan di atas. Sila hubungi Juliana Jamaluddin (juliana_jamaluddin@edgenta.com / 012 340 9438) jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan.